

<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

[THE REHALIBITION OF ADOLESCENT MORALS THROUGH A TAHFIZ APPROACH IN MALAYSIA: A REVIEW]

PEMULIHAN AKHLAK REMAJA MELALUI PENDEKATAN TAHFIZ DI MALAYSIA: TINJAUAN AWAL

MOHAMAD GHAZI FARIS ABD MUTALIB^{1*}
NORAZMI ANAS²

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.

²Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, Kampus Tapah, 35400 Tapah Road, Perak

*Corresponding author: ghazafaris93@gmail.com

Received Date: 7 November 2019 • Accepted Date: 28 April 2020

Abstract

Moral decadency among Malaysian adolescents has been an issue of growing concern for years. Mass media frequently report the statistics of moral decline of the society which resulted from the increased industrialization, urbanization, excessive exposure to the internet as well as the weakening family ties to name a few. In fact, social ills that are common to the developed countries have risen in Malaysia where some of the offences committed include pre-marital sex that lead to unwanted pregnancies, aggression, alcohol and drug abuse as well as negative social media influence. This paper thus, attempts to approach the issue particularly for the recovery of ethical behaviour of Muslim adolescents in Malaysia by taking into account the elements of teaching and the lesson of Islamic education implemented and virtues practiced at Tahfiz institutions. It is anticipated that the research will be able to serve as an intervention in adolescent moral recovery through such religious approach. Indeed, promoting Islamic ethics and high morality in the community especially among adolescents is one of the ways of solving and reducing the social epidemic.

Keywords: Moral, Tahfiz, intervention, recovery

Abstrak

Keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja pada masa kini merupakan suatu perkara yang tidak asing lagi bagi rakyat Malaysia. Saban hari, media massa memaparkan statistik keruntuhan akhlak semakin bertambah dari masa ke semasa menyebabkan berlakunya budaya tidak sihat seperti mengandungi anak luar nikah, tontonan pornografi dan juga pengaruh media sosial yang negatif. Oleh yang demikian, penulisan kertas kerja konseptual ini bertujuan untuk menghuraikan masalah

keruntuhan akhlak remaja dan cadangan awal penyelidikan pemulihan akhlak melalui pendekatan tahfiz di Malaysia. Oleh itu, penyelidikan ini diharap mampu dijadikan intervensi pemulihan akhlak remaja melalui pendekatan tahfiz supaya remaja dapat berubah menjadi insan yang berpegang teguh dengan ajaran Islam dan mengamalkannya di dalam kehidupan seharian.

Kata kunci: Akhlak, Tahfiz, Kaedah, Pemulihan.

Cite as: Mohamad Ghazi Faris Abu Mutalib & Norazmi Anas. 2020. Pemulihan Akhlak Remaja Melalui Pendekatan Tahfiz Di Malaysia: Tinjauan Awal. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 21(1): 134-140.

PENGENALAN

Islam adalah agama yang lengkap dalam kehidupan tidak kiralah dari aspek ibadat, akidah mahupun akhlak. Kesempurnaan ini jelas menunjukkan bahawa Islam merupakan agama yang bukan hanya menekankan kepada spiritual semata-mata bahkan meliputi segenap kehidupan. Namun, kesempurnaan tersebut bukanlah sesuatu yang mudah untuk dimiliki, sebaliknya ia memerlukan kepada suatu proses yang berterusan iaitu pembelajaran serta pengkajian. Begitu juga bagi seseorang muslim, kita perlu sentiasa muhasabah serta mengenal pasti segala kekurangan serta kelemahan bagi mengatur langkah pengislahan diri, masyarakat dan seluruh alam.

Agama Islam sebagai ad-Deen atau way of life amat menekankan kepada pendidikan akhlak. Sesuai dengan hadis Rasulullah s.a.w yang bermaksud “Agama itu adalah nasihat” (Sahih Muslim, Jilid 1, Bil. 43); nasihat tentang yang betul dan yang salah. Tujuan utama perutusan Nabi Muhammad s.a.w. oleh Allah s.w.t kepada manusia juga memperlihatkan kepentingan nilai akhlak dalam Islam, sebagaimana sabda baginda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: “Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia” (Al-Bayhaqi et. al,2003).

Oleh itu, menurut kaca mata Islam nilai akhlak adalah sebahagian daripada agama Islam itu sendiri. Justeru, dalam Islam manusia yang paling tinggi statusnya adalah manusia yang paling mulia akhlaknya dan tinggi sifat taqwanya. Selain daripada memahami, menghayati dan mengamalkan akhlak, umat Islam dianjurkan supaya mengamalkan adab-adab mulia dalam kehidupan. Ini kerana setiap perkara ada kandungan dan bentuknya. Dalam akhlak, antara kandungannya ialah adab, manakala bentuk intipatinya ialah iman dan taqwa. Ini bermakna apabila menyebut konsep akhlak, ia secara langsung menyentuh adab-adab mulia.

Kesimpulannya, aspek akhlak sangat ditekankan dalam Islam, malah ia merupakan sebahagian daripada agama Islam itu sendiri. Untuk memelihara kehidupan yang harmoni, maka penekanan kepada sudut keagamaan dan kerohanian amatlah penting terutama dalam penekanan iman yang berlandaskan tauhid kepada Allah s.w.t. Ini kerana kuat atau lemahnya iman seseorang dapat diukur dan diketahui daripada perilaku akhlaknya. Iman yang kuat akan mewujudkan akhlak yang baik dan mulia, sedangkan iman yang lemah melahirkan akhlak yang buruk dan keji (Surat Ibrahim/14:34).

Maka jelas di sini, peranan agama dan aspek rohani perlu ditekankan dalam apa jua bentuk pendidikan akhlak dan moral. Pendidikan akhlak berteraskan nilai agama adalah lebih sempurna dan menjamin melahirkan insan yang berkualiti sebagai hamba dan khalifah Allah di muka bumi.

MASALAH KAJIAN

Keruntuhan akhlak di kalangan remaja pada masa kini merupakan suatu perkara yang tidak asing lagi bagi rakyat Malaysia. Saban hari di dalam media massa memaparkan masalah keruntuhan akhlak ini semakin menjadi-jadi di kalangan remaja. Masalah ini bukanlah suatu fenomena baharu bahkan sudah berlaku sejak zaman dahulu lagi. Menurut Tengku Intan Zarina Tengku Puji (2018) masyarakat pada hari ini mengalami keruntuhan akhlak di tahap yang bahaya kerana dicemari pelbagai bentuk kerosakan akhlak. Oleh yang demikian, usaha untuk meningkatkan potensi diri dan memulihkan akhlak mereka perlulah ditangani dengan segera bersesuaian dengan kaedah yang digunakan di maahad-maahad tahfiz yang bertujuan mengelakkan keruntuhan akhlak di kalangan remaja.

Keruntuhan Akhlak Remaja Muslim

Akhlak adalah suatu perkara yang amat penting yang berperanan sebagai penanda aras dalam pembangunan sesebuah tamadun (Desa et al., 2018). Terdapat banyak faktor yang menyebabkan keruntuhan akhlak di kalangan remaja Muslim. Institusi keluarga yang mengamalkan cara hidup yang tidak menitikberatkan pendidikan agama serta kesibukan ibu bapa bekerja juga merupakan faktor keruntuhan akhlak remaja. Ibu bapa masa kini lebih mengutamakan duniawi dengan mendidik anak berlandaskan teknologi berbanding ajaran agama Islam. Oleh disebabkan itu, remaja ini akan terumbang ambing dalam dunia mereka dan seterusnya lahir sikap tidak menghormati ibu bapa, bersikap liar, tidak bermoral dan seterusnya sesat dan memilih jalan menuju keburukan. Tambahan lagi, ibu bapa yang cetek ilmu agama akan membuatkan mereka kurang bertanggungjawab terhadap anak mereka walhal mendidik anak itu adalah satu amanah yang berat dan perlu dilakukan dengan sebaik-baiknya. Ini selari dengan pandangan (Desa et al., 2018) yang menyarankan supaya ibu bapa mendidik anak dengan didikan agama dan memperbaiki institusi kekeluargaan.

Selain itu, faktor lain yang menjadikan remaja semakin lemah akhlaknya adalah rakan sebaya. Rakan sebaya ini memainkan peranan yang amat penting dalam aktiviti sosial yang mana ianya dapat memberikan suatu pengalaman yang mustahil didapati daripada keluarga mahupun dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) di sekolah. Bagi mereka, rakan sebaya inilah pengganti ibu bapa mereka bagi mencurahkan masalah yang mereka alami sendiri (Tan et al., 2016). Oleh yang demikian, rakan sebaya ini terlalu mudah untuk mempengaruhi seseorang remaja itu untuk menuju ke jalan kebaikan atau sebaliknya. Menurut Tan et al. (2016) pembentukan peribadi remaja dipengaruhi oleh faktor psiko-sosial, iaitu pendidikan keagamaan oleh ibubapa, dan pengaruh rakan sebaya. Pengaruh rakan sebaya memberi kesan dalam kehidupan remaja. Remaja-remaja ini akan lebih berani melakukan sesuatu perkara yang salah di sisi agama ataupun undang-undang jika menerima cabaran daripada rakan sebaya mereka sendiri. Menurut Talib et al. (2018) lingkungan sosial siswa berpengaruh terhadap

pembentukan tingkah laku dan kehidupan siswa. Hasil kajian ini dapat dirumuskan bahawa ibu bapa sangat signifikan dalam mempengaruhi pembentukan akhlak anak-anak.

Pembentukan Akhlak Remaja dari Perspektif Islam

Akhlak merupakan salah satu perkara yang penting bagi setiap umat Islam, umat Islam diperintahkan oleh Allah agar bersikap lebih peka terhadap ajaran-ajaran yang telah disampaikan. Di samping itu, akhlak adalah salah satu perkara untuk membentuk sahsiah diri seseorang samada baik ataupun buruk. Menurut Jamilah (2014) mendapati bahawa tahap pengetahuan pelajar dalam memahami akhlak adalah begitu tinggi dengan sikap terhadap akhlak, namun agak rendah untuk tahap amalan akhlak di kalangan mereka. Secara kesimpulannya, kebanyakan murid lebih mudah memahami bidang akhlak yang terdapat di dalam sukatan pelajaran di sekolah sahaja.

Kepentingan al-Quran dan al-Sunnah dalam pembentukan akhlak yang bertamadun juga sememangnya tidak pernah dipertikai dalam mana-mana ajaran kerana ia adalah petunjuk sebenar dalam menilai kualiti kecemerlangan sesebuah tamadun (Desa et al., 2018).

Pemulihan Akhlak Remaja Melalui Pendekatan Tahfiz

Pengajian dalam bidang tahfiz al-Quran menjadi pilihan pelajar masa kini dan mendapat sambutan yang sangat menggalakkan terutamanya dalam kalangan ibu bapa yang mahu menghantar anak mereka untuk mengikuti bidang tahfiz. Bilangan permohonan untuk memasuki institusi yang menawarkan tahfiz al-Quran khususnya dan di seluruh negara sama ada di bawah kelolaan kerajaan negeri mahupun persekutuan atau swasta semakin bertambah dari tahun ke tahun. Pada masa yang sama, akhlak remaja yang mengikuti bidang tahfiz ini juga menunjukkan perubahan yang ketara, yang mana sebelumnya remaja memiliki sikap tidak menghormati ibu bapa, bersifat liar dan ego tetapi selepas mengikuti bidang tahfiz akhirnya akhlak remaja tersebut berubah menjadi lebih baik dari sebelumnya.

Hal ini kerana pihak sekolah tahfiz menitikberatkan faktor disiplin pelajar-pelajar di sekolah tersebut. Kebiasaannya di tahfiz undang-undanganya lebih ketat berbanding di sekolah-sekolah biasa. Sebagai contoh, semua pelajar diwajibkan solat berjemaah bersama-sama, dilarang membawa gadget, rokok/ dadah, seluar jeans dan seluar pendek, baju yang mempunyai lambang yang melanggar hukum syara, dan sebagainya. Hal ini dapat dibuktikan daripada kajian (Abdullah et al., 2005) yang menyatakan dengan adanya peraturan di tahfiz ini mampu membantu pelajar mendisiplinkan diri untuk memperoleh hafazan yang baik.

Di samping itu juga, faktor pemakanan juga menjadi satu kepentingan kerana ianya akan menjadi darah daging dalam diri dan seterusnya dalam pembangunan akhlak remaja (Kamarudin & Majid, 2017). Pemakanan yang daripada sumber yang haram sudah semestinya membuatkan hati menjadi gelap menerima hidayah daripada Allah dan ianya juga mampu membuatkan remaja benak hati. Di tahfiz, pemakanan yang disediakan semuanya menitikberatkan kesucian, kebersihan dan juga halal. Sebagai contoh, ayam yang dibeli disembelih mengikut hukum Islam, tukang masak daripada orang Islam sendiri, makanan ringan diharamkan, tidak dibenarkan makan makanan daripada pasar malam dan sebagainya.

Selain itu juga, jadual harian yang ketat juga membuatkan remaja menjadi insan yang

lebih baik. Ini kerana apabila pihak tahfiz memperketatkan jadual harian, remaja tidak berkesempatan untuk bersendirian atau melakukan perbuatan yang sia-sia. Bermula seawal pukul 4 pagi lagi pelajar dikehendaki bangun untuk menunaikan solat sunat tahajud (Abdullah et al., 2005) dan pada malamnya mereka dikehendaki mengaji al quran sehingga pukul 11 malam. Oleh yang demikian, dengan adanya jadual harian yang dipenuhi pelbagai aktiviti, remaja tidak sempat untuk memikirkan perkara yang mensia-siakan hidup mereka.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan metode penyelidikan kualitatif dan kuantitatif dalam pengumpulan data atau lebih dikenali sebagai *exploratory sequential mixed method*. Secara spesifikasinya, kajian yang dipilih oleh pengkaji ialah kajian lapangan iaitu menggunakan instrumen temu bual dan kajian deskriptif tinjauan yang mana menggunakan soal selidik secara dalam talian bagi memudahkan proses kutipan data. Biasanya kajian tinjauan dilakukan dengan cara menemu bual subjek kajian atau memberi soal selidik kepada subjek kajian untuk dijawab (Chua Yan Piaw 2006). Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini adalah soal selidik jawapan dipilih (Likert).

Fasa 1- Objektif 1 (Menghuraikan Masalah Keruntuhan Akhlak Remaja Muslim)

Bagi mencapai objektif pertama kajian, kajian konseptual akan dijalankan secara temu bual terhadap pengasas-pengasas di Rumah Pemulihan Akhlak yang terpilih di Malaysia. Seterusnya, hasil daripada data temu bual dianalisis bagi mencapai objektif kajian iaitu menghuraikan masalah keruntuhan akhlak remaja Muslim di Malaysia.

Fasa 2- Objektif 2 (Mengkaji Pembentukan Akhlak Remaja Dari Perspektif Islam)

Bagi mencapai objektif yang kedua ini, kajian teoretikal akan digunakan yang mana ianya melibatkan sumber sekunder kajian seperti jurnal, buku, al-Quran dan sebagainya diikuti kajian konseptual kajian melibatkan temu bual dengan pakar-pakar bidang akhlak/psikologi dari institusi-institusi terpilih di Malaysia.

Fasa 3- Objektif 3 (Analisis Elemen Pemulihan Akhlak Remaja Melalui Pendekatan Tahfiz)

Fasa yang ketiga ini, pengkaji akan menggunakan kaedah yang sama seperti Fasa 1 dan Fasa 2 yang mana kajian konseptual akan dijalankan secara temu bual terhadap pengetua/pengarah/pengasas tahfiz bagi mendapatkan jenis-jenis elemen yang digunakan oleh pihak tahfiz bagi memulihkan akhlak remaja. Hasil daripada data temu bual akan dianalisis dan direkodkan di dalam sistem perisian.

	Carta Alir Proses		Rekabentuk Kajian	Instrumen	
		Sorotan Literatur			
		Temubual Rumah Pemulihan Akhlak Remaja di Malaysia	Kajian Kes (Kualitatif & Kuantitatif)	Temubual Semi-Struktur	
Fasa 2	Mengkaji pembentukan akhlak remaja dari perspektif Islam di Malaysia	Kajian teoritikal (Sumber kedua) & Temubual pakar bidang akhlak/psikologi dari institusi di Malaysia	Kajian Kes (Kualitatif)	Sumber Kedua & Temubual Semi-Struktur	Objektif 2
Fasa 3	Menganalisis elemen pemulihan akhlak remaja melalui pendekatan tahfiz di Malaysia	Temubual pengetua/pengarah/pengasas tahfiz terpilih di Malaysia	Kajian Kes (Kualitatif & Kuantitatif)	Temubual Semi-Struktur	Objektif 3

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, keberkesanan al-Quran dan al-Sunah dalam pembentukan akhlak yang bertamadun sememangnya yang terbaik kerana ia adalah indikator sebenar dalam menilai kualiti kecemerlangan akhlak remaja.. Menurut pandangan saya, pembentukan akhlak seseorang bergantung kepada bagaimana ia dibentuk atau dididik seterusnya terbentuknya nilai-nilai kerohanian dalam diri seseorang. Sebanyak mana seseorang itu menghayati kemuliaan sifat dan nilai murni daripada Al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW, maka sebanyak itulah ukuran akhlak yang akan ditonjolkan oleh individu tersebut. Oleh yang demikian, pemulihan akhlak melalui pendekatan tahfiz dilihat sebagai salah satu alternatif bagi memulihkan dan menangani kemerosotan akhlak remaja di Malaysia dengan lebih berkesan dengan mengikut acuan perspektif al-Quran dan al-Sunah yang sebenar.

PENGHARGAAN

Kajian ini ditaja oleh Geran FRGS 2018-1, Kod Penyelidikan: FRGS/1/2018/SSI03/UITM/03/1 bertajuk Model Tahfizpreneur Tadbir Urus Tahfiz Swasta di Malaysia.

RUJUKAN

Al-Quranul Karim

- Al-Bayhaqi, Abi Bakr Ahmad Bin Al-Husin Bin ‘Ali (2003), *Sunan Al-Kubra*, “*Bab Bayan Makarim Alakhlaq Wa Ma ‘Aliha*”, No. Hadith 20782, j.10. Beirut: Dar Al-Kutub Al-‘Ilmiyyah, h.323.
- Abdullah, A. H., Salamon, P. D. H. B., Suratman, U. A. S. B., Noor, U. S. S. B. M., & Jasmi, U. K. A. B. (2005). Sistem Pembelajaran Dan Kaedah Hafazan Al-Quran Yang Efektif: Satu Kajian Di Kuala Lumpur Dan Terengganu. Laporan Penyelidikan Utm Skudai: Johor.
- Desa, N., Puji, T. I. Z. T., & Mohamad, S. (2018). Menangani Keruntuhan Akhlak Masa Kini Menurut Islam. *Al-Turath Journal Of Al-Quran And Al-Sunnah*, 3(1), 55-63.
- Jamilah, M. N. (2014). Keberkesanan Pendidikan Akhlak Di Sekolah Menengah Kebangsaan Di Seremban Negeri Sembilan/Jamilah Mohd Noor (Doctoral Dissertation, Universiti Malaya).
- Kamaruddin, S. A., & Majid, L. A. (2017). Peranan Murabbi Terhadap Pembangunan Dan Pembentukan Akhlak Remaja. *Al-Turath Journal Of Al-Quran And Al-Sunnah*, 2(2), 31-37.
- Sahih Muslim, (2003). (Terjemahan Oleh Ma’Mur Daud). Singapura: Darel Fajr Publishing House
- Talib, N. H. F., Saleh, N. A. M., & Badli, N. M. (2018). Pengaruh Lingkungan Sosial Terhadap Penghayatan Akhlak Pelajar Politeknik Banting Selangor Dan Kolej Komuniti Kuala Langat, Malaysia. *Sosial Budaya*, 14(2), 119-128.
- Tan, R., Abidin, N. Z., & Suwirta, A. (2016). Faktor Yang Mempengaruhi Penghayatan Akhlak Islam Dalam Kalangan Belia Di Sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia. *Insancita*, 1(1).